

# JANGAN BIARKAN IMPIAN TERPERAM


**K**ITA selalu memasang impian yang indah-indah dalam kehidupan. Impian untuk menjadi seorang yang hebat dalam semua bidang. Kita memasang angan-angan setinggi gunung, cita-cita seluas lautan. Kita sering juga mengharapkan segala-galanya berlaku dengan mudah dan teratur, walaupun usaha kita untuk mencapai impian tersebut tidak seberapa. Itulah lumrah kehidupan – banyak orang yang mengharapkan kesenangan datang bergolek, tanpa sebarang cabaran yang perlu ditempuh untuk mencapai impian tersebut.

Oleh itu, tidak hairanlah banyak impian yang tinggal sebagai impian kerana impian hanya indah apabila berada di fikiran tetapi akan menjadi sukar apabila berhadapan dengannya secara realiti. Maka, impian yang hebat itu akan kekal terperap dan terperam di kotak angan-angan. Senario ini adalah biasa dalam masyarakat kita hingga wujud cerita rakyat “Angan-angan Mat Jenin” yang mengkritik sikap negatif dalam kalangan masyarakat yang hanya gemar berangan-angan dan memasang pelbagai impian, namun tidak berusaha untuk merealisasikannya.

Tiada salahnya untuk kita memasang impian yang hebat. Beranganlah setinggi mana sekalipun atau mempunyai hasrat serta impian yang luar biasa dan pelik. Tidak salah untuk kita berbangga dengan impian kita jika dalam masa yang sama kita merancang strategi yang baik ke arah mencapai impian kita itu. Impian yang baik mampu memacu seseorang untuk menjadi lebih positif dalam merealisasikannya. Impian yang hebat akan sentiasa menjadi pendorong untuk memotivasikan diri seseorang. Dalam konteks remaja, impian yang hebat amat perlu disemat dalam sanubari agar sentiasa berada di landasan yang tepat untuk menjadikan impian yang hebat itu suatu realiti.

Remaja sering memasang impian yang hebat dan tersendiri. Malangnya, orang dewasa di sekeliling mereka dikatakan tidak memberikan ruang yang cukup untuk remaja mengembangkan impian mereka sehingga menjadi kenyataan. Kesannya, remaja cenderung untuk memeram impian mereka hanya pada peringkat angan-angan dan akhirnya terkubur begitu sahaja. Kajian menunjukkan bahawa remaja amat kreatif dalam memasang impian.






Remaja sering memasang impian yang hebat dan tersendiri. Malangnya, orang dewasa di sekeliling mereka dikatakan tidak memberikan ruang yang cukup untuk remaja mengembangkan impian mereka sehingga menjadi kenyataan.

Mereka mampu memikirkan sesuatu di luar kotak fikiran.

Tambahan pula, dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat dan intim dengan para remaja, golongan ini sentiasa terdedah dengan sesuatu yang baharu dan lebih menarik. Walau bagaimanapun, impian yang hebat dan kreatif ini perlu dibimbing agar menjadi kenyataan pada suatu masa nanti. Kehidupan remaja yang berwarna-warni telah membentuk daya fikir yang rencam dalam merancang masa hadapan mereka. Di fikiran mereka timbul berbagai-bagai kehendak dan cita-cita pada masa hadapan.

Situasi ini menjadi lebih menarik jika remaja diberi peluang untuk mengembangkan impian kreatif mereka. Hal ini memerlukan perhatian semua pihak, sama ada pada peringkat ibu bapa, guru, keluarga, masyarakat, serta para penggubal dasar, agar menitikberatkan konsep impian kreatif para remaja. Kita bimbang jika tidak diasuh sebaik-baiknya impian ini akan terperap pada peringkat angan-angan sahaja. Walau bagaimanapun, usaha pertama yang perlu digerakkan adalah pada peringkat remaja itu sendiri.



Bagi remaja, impian mereka sering berkaitan dengan kerjaya mereka pada masa hadapan. Jika pada hari ini remaja memasang pelbagai impian, perlu diingat bahawa impian itu ialah sebahagian daripada kehidupan mereka semasa menempuh alam dewasa dan bermasyarakat nanti. Oleh hal yang demikian, impian seseorang amat penting untuk dikenal pasti dengan sebaik-baiknya. Impian perlu sentiasa diingat dan dijadikan pendorong yang baik bagi remaja.


Langkah pertama bagi remaja untuk merancang impian sehingga menjadi kenyataan adalah dengan mengenal pasti impiannya terlebih dahulu. Remaja harus memfokuskan matlamat kehidupan, tentukan hala tuju untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Menurut pengarang buku *Motivasi Memburu Kejayaan*, Maznah Hamid, setiap kejayaan kita pada hari ini ialah hasil perancangan serta impian kita mungkin 10 tahun atau 20 tahun yang lalu.

Pada hari ini, impian itu mungkin dilihat sebagai angan-angan Mat Jenin, namun tidak mustahil impian yang sama akan menjadi realiti pada masa akan datang jika impian tersebut dibimbing dengan usaha yang sewajarnya. Sesungguhnya kejayaan mengurus impian merupakan penentu kejayaan kita dalam kehidupan akan datang.

Remaja yang berwawasan mempunyai impian jangka pendek, sederhana dan panjang yang diurus dan dirancang dengan sebaik-baiknya. Impian itu perlu disusun serta selari daripada peringkat perancangan dan pelaksanaan. Impian seorang pelajar pastinya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Oleh itu, impian sedemikian ialah impian jangka pendek bagi pelajar.

Di samping itu, pelajar juga memasang impian mempunyai kerjaya yang hebat pada masa hadapan. Impian tersebut dikategorikan sebagai impian jangka panjang yang berkaitan

Kejayaan mengurus impian memerlukan tindakan proaktif individu itu sendiri. Seseorang pelajar perlu mengenal pasti kecenderungan yang ada dalam dirinya. Remaja seharusnya sudah tahu akan kecenderungan terhadap kerjaya pada masa hadapan, minat, kemahiran serta peluang yang dimilikinya.



dengan sasaran kerjaya dan kehidupan berkeluarga serta bermasyarakat untuk tempoh 10 tahun atau 20 tahun akan datang. Kedua-dua impian ini perlu selari agar lebih mudah dirancang dan dicapai.

Kejayaan mengurus impian memerlukan tindakan proaktif individu itu sendiri. Seseorang pelajar perlu mengenal pasti kecenderungan yang ada dalam dirinya. Remaja seharusnya sudah tahu akan kecenderungan terhadap kerjaya pada masa hadapan, minat, kemahiran serta peluang yang dimilikinya. Semua ini perlu diambil kira dalam perancangan mengurus impian.

Jika remaja bercita-cita untuk menjadi seorang ahli sains yang hebat, pastinya persiapan ke arah itu juga perlu bermula dengan tumpuan yang "hebat" terhadap mata pelajaran Sains di sekolah. Begitu juga jika remaja berhasrat menjadi seorang sasterawan yang berjaya, yang mampu menghasilkan penulisan agung yang berupaya mengubah pemikiran

pembaca, pastinya hal ini bermula dengan usaha menghasilkan penulisan yang baik pada peringkat sekolah.

Banyak dalam kalangan remaja mempunyai impian yang indah semasa di bangku sekolah. Remaja memasang pelbagai impian, sama ada berkaitan dengan kerjaya, keluarga, dan kehidupan bermasyarakat. Namun begitu, impian itu hanya tinggal impian yang terperam. Impian itu terperam di kotak fikir dan kekal tidak disuburkan dengan usaha untuk menjayakan impian tersebut.

Sehubungan dengan hal itu, masyarakat sering memberikan definisi yang berbeza antara impian dengan cita-cita. Impian selalunya dikaitkan dengan angan-angan kosong yang mustahil untuk direalisasikan. Sementara itu, cita-cita diberi definisi yang positif, iaitu sesuatu yang lebih realistik untuk dicapai. Hakikatnya, impian juga ialah cita-cita. Impian ialah hasrat seseorang tentang kehidupan.

Oleh itu, setiap kehidupan yang diimpikan perlu disokong dengan usaha yang berterusan. Bermula pada peringkat persekolahan, iaitu sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas, seterusnya pengajian tinggi serta institusi kemahiran yang mampu memacu impian pelajar agar menjadi realiti. Walau bagaimanapun, remaja memerlukan dorongan yang baik daripada semua pihak di sekeliling mereka, sama ada dorongan dalaman remaja sendiri atau dorongan luaran, seperti ibu bapa, guru, keluarga dan masyarakat.

Pepatah Melayu menyebut bahawa "Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang". Pokok pangkalnya, semua impian atau cita-cita memerlukan usaha. Impian yang hebat tidak mempunyai apa-apa makna jika mengharapkan impian datang dengan sendiri tanpa dirancang dan berusaha menjayakannya. Remaja perlu memasang impian yang tersendiri yang sesuai dengan minat, kemahiran dan seterusnya berusahaalah dengan gigih untuk menggapainya.

Tanamkan azam yang hebat serta cita-cita yang tinggi melangit dan jangan takut bermimpi dan memasang impian kerana anda sebenarnya mampu untuk menjadikan impian itu suatu kenyataan. Buktikan bahawa impian bukanlah angan-angan tetapi cita-cita besar yang mampu dicapai. Terjemahkan impian yang besar itu melalui perancangan usaha yang baik. Jika tidak, impian tersebut menjadi seperti anggapan kebanyakan orang bahawa impian hanyalah sebuah mimpi yang menjadi sebahagian daripada mainan tidur, yang akan terperam di hati sanubari remaja yang tidak produktif. Buktikan bahawa kenyataan ini salah. ●



**Gambar 1:** Remaja berwawasan sentiasa merancang impian mereka dengan baik dan teliti sehingga kejayaan berada dalam genggamannya mereka.

**Gambar 2:** Cita-cita besar mampu dicapai apabila remaja berusaha merealisasikan impian mereka dengan perancangan yang baik.